



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PULAU PINANG  
(MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG)**

---

**KENYATAAN TAWARAN**

**NO. SEBUT HARGA : Bil. PSUKPP/8/2016**

Tawaran adalah dipelawa kepada kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berkaitan:

- |        |   |                                |
|--------|---|--------------------------------|
| 030101 | - | Peralatan/Pakaian Sukan ; ATAU |
| 030199 | - | Pembuat                        |

serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

**“ MEMBEKAL PAKAIAN DAN KELENGKAPAN SUKAN KEPADA  
MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG BAGI PENYERTAAN  
KONTINJEN PULAU PINANG KE SUKAN MALAYSIA XVIII SARAWAK 2016”**

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** mulai **29 Februari 2016**.
3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh pemilik syarikat berserta dokumen wajib hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebutharga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai sebelum @ pada 15 Mac 2016 (Selasa) jam 12.00 tengah hari dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.** Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup.
4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit.

5. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

6. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Negeri Pulau Pinang

## **SPESIFIKASI**

**1. Tujuan :** Membekal Pakaian Sukan dan Kelengkapan Sukan Kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang Bagi Penyertaan Kontinjen Pulau Pinang ke Sukan Malaysia XVIII Sarawak 2016.

**2. Ciri-ciri Spesifikasi :**

Bil	Item	Bilangan Keperluan	Jenis Kain
1.	<b><i>Track Suit</i></b>	600 helai	<b><i>Micro Fibre</i></b>
2.	<b><i>T-shirt Berkolar</i></b>	1,200 helai	<b><i>Dry Fit</i></b> (dan yang bersamaan dengannya)
3.	<b><i>T-shirt Round Neck</i></b>	1,200 helai	<b><i>Dry Fit</i></b> (dan yang bersamaan dengannya)
4.	<b><i>Beg Sukan (Travelling beg)</i></b>	600 buah	57 cm x 23 cm x 28 cm
5.	<b><i>Beg Galas (Sporty Backpack)</i></b>	600 buah	32 cm x 18 cm x 45 cm
6.	<b><i>Topi (Cap)</i></b>	600 buah	<b><i>Free Size</i></b>
7.	<b><i>Kasut Sukan (Sport Shoes)</i></b>	500 pasang	<b><i>Saiz akan ditentukan kelak</i></b>

**3. Warna Pakaian Sukan [*Track Suit, T-Shirt Berkolar, T-Shirt Round Neck*]**

Penggunaan warna yang dicadangkan adalah bebas dan corak pakaian terpulang kepada kreativiti penyebut harga/pembekal.

**4. Warna Kelengkapan Sukan [*Beg Sukan (Travelling bag), Beg Galas (Sporty Backpack) dan Topi (Cap)*]**

Penggunaan warna yang dicadangkan adalah bebas dan tertakluk kepada kreativiti pembekal dan lakaran reka bentuk oleh penyebut harga/pembekal.

**5. Warna Kelengkapan Sukan [*Kasut Sukan (Sports Shoe)*]**

Penggunaan warna kasut dan jenama yang dicadangkan adalah bebas dan tertakluk kepada kreativiti penyebut harga/pembekal.

## 6. Logo pada Pakaian Sukan [Track Suit, T-Shirt Berkolar, T-Shirt Round Neck]

Logo **Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang** dan nama **Pulau Pinang** atau **Penang** boleh disediakan pada pakaian di bahagian-bahagian yang dicadangkan oleh penyebut harga/pembekal. Logo-logo yang **wajib** digunakan adalah seperti berikut :-

BIL	KETERANGAN	LOGO
1.	Logo Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	
2.	Logo PBA	
3	Nama Pulau Pinang (Bebas menggunakan jenis Font dan saiz Font yang bersesuaian)	<b>Pulau Pinang</b> atau <b>Penang</b>

## 7. Logo Kelengkapan Sukan [Beg Sukan (Travelling bag), Beg Galas (Sporty Backpack) dan Topi (Cap)]

### (a) Beg Sukan (Travelling bag) dan Beg Galas (Sporty Backpack)

Logo **Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang** dan nama **“Pulau Pinang atau Penang”** hendaklah dicetak pada Beg Sukan (Travelling Bag) dan Beg Galas (Sporty Backpack) pada bahagian-bahagian yang dicadangkan oleh penyebut harga/pembekal.

Logo-logo yang **wajib** digunakan adalah seperti berikut :-

BIL	KETERANGAN	LOGO
1.	Logo Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	
2	Perkataan Pulau Pinang (Bebas menggunakan jenis Font dan saiz Font yang bersesuaian)	<b>Pulau Pinang</b> atau <b>Penang</b>

(b) Topi (Cap)

Kedudukan Logo **Jata Negeri Pulau Pinang** perlulah berada di hadapan topi tersebut. Logo-logo yang **wajib** digunakan adalah seperti berikut :-

BIL	KETERANGAN	LOGO
1.	Jata Negeri Pulau Pinang	
2.	Logo Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	

**8. Reka Bentuk (Design)**

Cadangan Reka Bentuk (*Design*) bagi kesemua barangan seperti mana dinyatakan di (2) di atas dan contoh set pakaian sukan termasuk kelengkapan yang siap hendaklah dikemukakan bersama dokumen tawaran.

Contoh set pakaian sukan termasuk kelengkapan tidak akan dikembalikan kepada penyebutharga.

***Perakuan pengesahan ketulenan reka bentuk (Lampiran L) yang dibekalkan juga perlu dilampirkan bersama.***